



KERAJAAN MALAYSIA

PERTUKARAN MATA WANG ASING

PIAWAIAN PERAKAUNAN KERAJAAN

PPK 9
(Disemak 2012)

MAC 2013

**PIAWAIAN PERAKAUNAN
KERAJAAN**

**PERTUKARAN MATA
WANG ASING**

PPK 9 Disemak 2012)

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PPK 9

PERTUKARAN MATA WANG ASING

Dikeluarkan oleh:

Akauntan Negara Malaysia,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Aras 1-8, No. 1, Persiaran Perdana,
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 W.P. Putrajaya.

Tel: 03-88821000

Faks: 03-88821042

Emel: janm@anm.gov.my

Laman sesawang: www.anm.gov.my

KANDUNGAN

| <i>Perenggan</i> | <i>Isi Kandungan</i> | <i>Muka Surat</i> |
|------------------|------------------------------------|-------------------|
| 1 | PENGENALAN | 1 |
| 2 | TUJUAN | 1 |
| 3 | SKOP | 1 |
| 4 | LATAR BELAKANG | 1 |
| 5 | DEFINISI | 2 |
| 6 | DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN | 2 |
| 7 | PERSEMBAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN | 4 |
| 8 | TARIKH KUAT KUASA | 4 |

1. PENGENALAN

PPK 9 (Disemak 2012) Pertukaran Mata Wang Asing menggantikan PPK 9 (2008) selaras dengan PPK 2 (Disemak 2010) Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan.

2. TUJUAN

Piawaian ini bertujuan untuk menetapkan piawaian perakaunan bagi urus niaga yang melibatkan mata wang asing mengikut kehendak Arahan Perbendaharaan.

3. SKOP

Piawaian ini hendaklah diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bagi mengakaun urus niaga dan kesan pertukaran dalam mata wang asing.

4. LATAR BELAKANG

4.1 Piawaian Pertukaran Mata Wang Asing adalah satu garis panduan bagi menyeragam amalan perakaunan yang merangkumi definisi, dasar dan kaedah perakaunan, dan persembahan dalam penyata kewangan kerajaan berasaskan:

4.1.1 Perlembagaan Persekutuan

4.1.2 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]

4.1.3 Aturan dan peraturan yang berkuat kuasa

4.1.4 Arahan Perbendaharaan

4.2 Mana-mana perenggan di dalam piawaian ini yang merujuk kepada peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan hendaklah juga dirujuk kepada peruntukan undang-undang negeri mengikut mana yang berkenaan melainkan dinyatakan secara khusus.

5. DEFINISI

5.1 Mata Wang Asing

Mata wang asing adalah mata wang selain daripada Ringgit Malaysia.

5.2 Kadar Pertukaran

Kadar pertukaran adalah nisbah pertukaran Ringgit Malaysia berbanding mata wang asing.

5.3 Kadar Pertukaran Mata Wang Asing Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

Kadar pertukaran mata wang asing JANM adalah kadar pertukaran yang dikeluarkan oleh JANM dari masa ke masa berasaskan kadar yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk kegunaan semua jabatan persekutuan dan negeri serta ketua perwakilan Malaysia di luar negeri bagi tujuan mengurus dan mengakaun urus niaga yang melibatkan mata wang asing.

6. DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN

6.1 Urus Niaga Pertukaran Mata Wang Asing Di Dalam Negeri

6.1.1 Terimaan Mata Wang Asing

Semua terimaan mata wang asing yang sah diperlakukan hendaklah dikeluarkan resit dalam Ringgit Malaysia mengikut kadar pertukaran mata wang asing JANM. Walau bagaimanapun, terimaan tersebut hendaklah diakaun oleh pejabat perakaunan mengikut kadar pertukaran bank sebenar.

Perbezaan kadar pertukaran mata wang asing JANM dengan kadar pertukaran bank sebenar hendaklah diselaraskan oleh pejabat perakaunan.

6.1.2 **Bayaran Atau Pemindahan Dana Dalam Mata Wang Asing**

Semua bayaran atau pemindahan dana dalam mata wang asing hendaklah diakaun mengikut kadar pertukaran bank sebenar.

6.1.3 **Tuntutan Bagi Perbelanjaan Yang Dilakukan Di Luar Negeri**

Semua tuntutan yang dibuat di dalam negeri bagi perbelanjaan yang dilakukan di luar negeri hendaklah diakaun dalam Ringgit Malaysia mengikut kadar pertukaran mata wang asing JANM.

6.2 **Urus Niaga Pertukaran Mata Wang Asing Di Luar Negeri**

6.2.1 **Perakaunan Panjar Bagi Terimaan Dan Bayaran**

(a) Pemegang Panjar Luar Negeri

Semua urus niaga terimaan dan bayaran hendaklah diakaun oleh pemegang panjar luar negara dalam mata wang negara berkenaan atau mata wang yang diluluskan oleh kerajaan.

(b) Pejabat Perakaunan

Semua urus niaga terimaan dan bayaran yang dibuat melalui rekupan hendaklah diakaun oleh pejabat perakaunan dalam Ringgit Malaysia mengikut kadar pertukaran mata wang asing JANM pada tarikh urus niaga dilakukan.

6.2.2 **Akaun Untung Rugi Pertukaran Mata Wang Asing**

(a) Perbezaan nilai kadar pertukaran mata wang asing JANM dengan kadar pertukaran bank sebenar hendaklah diakaun kepada Akaun Untung Rugi Pertukaran Mata Wang Asing.

- (b) Baki Akaun Untung Rugi Pertukaran Mata Wang Asing pada akhir sesuatu tahun kewangan hendaklah dikenakan ke perbelanjaan mengurus sekiranya terdapat kerugian bersih atau diakaunkan sebagai hasil sekiranya terdapat keuntungan bersih.

7. PERSEMBAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN

Persembahan penyata kewangan tahunan hendaklah mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (Disemak 2010) Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan.

7.1 Penyata Kedudukan Kewangan

- 7.1.1. Keuntungan bersih dari pertukaran mata wang asing hendaklah dimasukkan sebagai hasil di bawah kategori Hasil Bukan Cukai dalam Akaun Hasil Disatukan.
- 7.1.2. Kerugian bersih dari pertukaran mata wang asing hendaklah dimasukkan sebagai satu butiran Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap di bawah Akaun Hasil Disatukan.

7.2 Penyata Akaun Memorandum

- 7.2.1 Baki pinjaman luar negeri dan bantuan luar negeri dalam mata wang asing hendaklah dilaporkan dalam Ringgit Malaysia berdasarkan kepada kadar pertukaran Bank Negara Malaysia pada 31 Disember sesuatu tahun kewangan.

8. TARIKH KUAT KUASA

Piawaian ini berkuat kuasa mulai tahun kewangan 2012.